



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**MERINYU KAWALAN SERANGGA (C.1 EB.2)  
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**MERINYU KAWALAN SERANGGA  
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
C.1 EB.2 (\$1,280 - \$1,930 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengalaman dan berpengetahuan dalam program-program dan aktiviti-aktiviti pemantauan entomologi dan pengawalan vektor adalah keutamaan.
3. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
4. Berpengetahuan dalam penggunaan perisian komputer seperti *Microsoft Office, Microsoft Excel, Microsoft Words* dan sebagainya adalah kelebihan.
5. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Ketua Unit dalam pengurusan hal ehwal pentadbiran Unit dan kakitangan pengawalan vektor dan entomologi;
2. Menyediakan program dan jadual aktiviti pemantauan entomologi dan pengawalan vektor;



3. Membantu Ketua Unit dalam memberikan latihan berkaitan kepada kakitangan bawahan;
4. Menyediakan dan menghadapkan laporan bulanan kepada Ketua Unit;
5. Menyediakan laporan dan ulasan hasil dari pemantauan, pemeriksaan dan penyiasatan yang dilaksanakan kepada Ketua Unit atau pegawai yang lebih kanan untuk tindakan selanjutnya;
6. Menyusun dan mengatur kakitangan Unit dalam kempen-kempen dan dalam menangani kes-kes aduan mengenai vektor dan entomologi dan penyakit berjangkit bawaan vektor; dan
7. Pegawai yang dilantik akan ditugaskan di Bahagian-Bahagian di bawah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar dan juga di Pejabat Kesihatan Daerah seperti yang diarahkan dan ditetapkan dalam Jabatan.